



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
SUKU TAHUNAN
SUKU KETIGA 2021

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
THIRD QUARTER 2021

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**


**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN
SUKU KETIGA 2021**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAJUK UTAMA:

SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS MENCATATKAN PERTUMBUHAN YANG POSITIF PADA SUKU KETIGA TAHUN 2021 WALAUPUN NEGARA MENGHADAPI GELOMBANG KEDUA COVID-19.

1. Pada suku ketiga (Q3) 2021, pertumbuhan KDNK Negara Brunei Darussalam telah menurun sebanyak 2.2 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam Sektor Minyak & Gas sebanyak 5.3 peratus. Walaubagaimanapun, Sektor Bukan Minyak & Gas mencatatkan peningkatan sebanyak 1.0 peratus.
2. Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah sebanyak BND4.6 bilion berbanding BND4.0 bilion pada Q3 2020. Sektor Minyak & Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak & gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) menyumbang sebanyak 47.4 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA). Sementara itu, Sektor Bukan Minyak & Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 52.6 peratus.



3. Penurunan dalam Sektor Minyak & Gas adalah disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 100.6 ribu tong sehari pada Q3 2020 kepada 97.1 ribu tong sehari pada Q3 2021. Pengeluaran gas asli juga menurun daripada 30.7 juta meter padu sehari pada Q3 2020 kepada 28.5 juta meter padu sehari pada Q3 2021. Selain itu, pengeluaran LNG juga mencatatkan penurunan daripada 834,489 MMBtu sehari kepada 750,944 MMBtu sehari pada tempoh masa yang sama. Penurunan pada pengeluaran minyak mentah dan gas asli adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti penyelenggaraan dan pemulihan. Tambahan lagi, penurunan ini adalah disebabkan tenaga kerja yang terhad berikutan penularan jangkitan COVID-19 yang seterusnya menjejaskan keupayaan kerja-kerja pemulihan dan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan *Well, Reservoir and Facilities Management (WRFM)*. Sementara itu, penurunan pengeluaran LNG pula adalah disebabkan oleh bekalan gas yang terhad dan aktiviti penyelenggaraan pada salah satu kemudahan loji LNG.
4. Namun demikian, perkembangan Sektor Bukan Minyak & Gas terus menunjukkan perkembangan yang positif walaupun negara menghadapi gelombang kedua COVID-19. Diantara subsektor-subsektor yang menunjukkan peningkatan pada suku ketiga 2021 ini adalah seperti Kewangan, Perhubungan, Perkhidmatan Kesihatan, dan Pembuatan Bukan Minyak dan Gas.
5. Peningkatan Subsektor Kewangan adalah selaras dengan peningkatan pendapatan aktiviti kewangan dan perbankan khususnya daripada *non-interest profit income*.

6. Ini diikuti dengan peningkatan Subsektor Perhubungan selaras dengan peningkatan permintaan domestik berikutan langkah-langkah pengawalan yang diperketatkan semula dalam mencegah penularan gelombang kedua COVID-19.
7. Manakala, peningkatan Subsektor Perkhidmatan Kesihatan adalah didorong oleh peningkatan perkhidmatan kesihatan kerajaan. Subsektor Pembuatan Bukan Minyak dan Gas juga mencatatkan peningkatan terutamanya didokong oleh peningkatan pengeluaran makanan ternakan.
8. Selain itu, Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan sejak Q2 2020. Pada Q3 2021, sektor ini telah meningkat sebanyak 27.9 peratus disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pengeluaran Perikanan, Ternakan dan Pertanian. Peningkatan Subsektor Perikanan adalah selaras dengan peningkatan industri penangkapan ikan khususnya aktiviti nelayan kecil-kecilan. Manakala, penyumbang utama bagi industri akuakultur adalah keluaran ternakan udang. Sementara itu, peningkatan dalam Subsektor Ternakan adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran daging kerbau dan ayam pedaging. Dalam pada itu juga, peningkatan pengeluaran buah-buahan dan padi adalah penyumbang terbesar kepada pertumbuhan Subsektor Pertanian.
9. Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan pertumbuhan KDNK adalah disebabkan penurunan permintaan dalam negeri sebanyak 11.5 peratus, yang mana didorong oleh penurunan Perbelanjaan Kapital Kerajaan dan Swasta, dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan. Walaubagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh peningkatan pada Eksport Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 44.5 peratus tahun-ke-tahun dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 13.0 peratus.

KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap

	Q3 2020	Q3 2021	% Pertumbuhan
Permintaan Dalam Negeri	4,348.1	3,847.6	(11.5)
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	960.1	955.4	(0.5)
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,101.2	1,244.7	13.0
Perbelanjaan Kapital	2,286.8	1,647.5	(28.0)
Permintaan Luar Negeri	2,344.7	3,388.5	44.5
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	2,344.7	3,388.5	44.5
KDNK	4,630.8	4,527.6	(2.2)

10. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Ketiga 2021 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn




MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
THIRD QUARTER 2021

BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:
THE NON-OIL AND GAS SECTOR RECORDED POSITIVE GROWTH IN THE THIRD QUARTER OF 2021 DESPITE THE COUNTRY FACING THE SECOND WAVE OF COVID-19.

- 1. In the third quarter (Q3) 2021, Brunei Darussalam's GDP growth rate declined by 2.2 per cent year-on-year. This was due to a decrease in the Oil & Gas Sector by 5.3 per cent. The Non-Oil & Gas Sector, however, recorded an increase of 1.0 per cent.*
- 2. Brunei Darussalam's GDP at current prices was valued at BND4.6 billion compared to BND4.0 billion in Q3 2020. The Oil & Gas Sector, comprising of oil & gas mining and manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG), accounted for 47.4 percent of the total gross value added (GVA). Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed 52.6 percent.*



3. *The decline in the Oil & Gas Sector was due to a decrease in the production of crude oil from 100.6 thousand barrels per day in Q3 2020 to 97.1 thousand barrels per day in Q3 2021. Natural gas production also recorded a decrease from 30.7 million cubic metres per day in Q3 2020 to 28.5 million cubic metres per day in Q3 2021. In addition, LNG production declined from 834,489 MMBtu per day to 750,944 MMBtu per day during the same period of time. The reduction in crude oil and natural gas production was due to shutdown turnaround activities. In addition, the decrease was due to limited onsite workforce as a result of COVID-19 which reduced the ability to recover from unscheduled deferment and delayed of Well, Reservoir and Facilities Management (WRFM) activities. Meanwhile, the LNG production declined due to limited gas supply and maintenance activities at one of the LNG plant facilities.*
4. *Despite the country's second wave of COVID-19, the Non-Oil & Gas Sector shows positive development. Among the subsectors that showed an improvement in Q3 2021 were Finance, Government Services, Communication, Health Services, and Non-oil and Gas Manufacturing.*
5. *The increase in the Finance Subsector was in line with an increase in the income of financial and banking activities particularly the non-interest profit income.*

6. *This was followed by an increase in the Communication Subsector in line with the rise in domestic demand resulting from the reinstatement of control measures in preventing the spread of the second wave of COVID-19.*
7. *Meanwhile, the increase in the Health Services Subsector was driven by an increase in the government health services activities. The Non-Oil and Gas Manufacturing Subsector also registered an increase mainly supported by increased production of livestock feed.*
8. *In addition, the Agriculture, Forestry & Fishery Sector has continued to show encouraging performance since Q2 2020. In Q3 2021, this sector has increased by 27.9 per cent due to Fishery, Livestock & Poultry, and Agriculture production activities. An increase in the Fishery Subsector was in line with the rise in the capture industry particularly from small-scale fisherman activities. Meanwhile, farm prawns was the main contributor to the increase in aquaculture industry. An increase in the Livestock & Poultry Subsector was due to increased production of buffalo meat and broilers while the increase in fruits and paddy production was the major contributor to the growth of the Agriculture Subsector.*
9. *By expenditure approach, a decline in GDP growth was mainly due to a decrease in the domestic demand by 11.5 percent, which was driven by a decline in Gross Capital Formation for both Government and Private, and Government Final Consumption Expenditure. However, this growth was moderated by an increase in the Exports of Goods and Services by 44.5 percent year-on-year, and the Household Final Consumption Expenditure by 13.0 percent.*

GDP by Expenditure at Constant Prices

	Q3 2020	Q3 2021	% Growth
Domestic Demand	4,348.1	3,847.6	(11.5)
Government Final Consumption Expenditure	960.1	955.4	(0.5)
Household Final Consumption Expenditure	1,101.2	1,244.7	13.0
Gross Capital Formation	2,286.8	1,647.5	(28.0)
External Demand	2,344.7	3,388.5	44.5
Exports of Goods and Services	2,344.7	3,388.5	44.5
GDP	4,630.8	4,527.6	(2.2)

10. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the Third Quarter of 2021 is available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.*